



**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT
MALAYSIA**

**MEMPROSES PELAN M & E
JBPM/PK/04**

Disediakan Oleh:

TPJB Dato' Rusmani Bin
Muhamad
Penolong Ketua Pengarah
Bahagian Keselamatan
Kebakaran

Tarikh : 02.04.2015

Diluluskan Oleh:

Dato' Soiman Bin Jahid
Timbalan Ketua Pengarah
(Operasi)

Tarikh : 02.04.2015

NO. KELUARAN/PINDAAN:07

TARIKH: 02.04.2015

SALINAN TERKAWAL



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

MEMPROSES PELAN M&E
JBPM/PK/04

MUKA SURAT : 2 |12
TARIKH : 02.04.2015

REKOD PINDAAN

BIL.	KELUARAN/ PINDAAN	TARIKH	BAHAGIAN / MUKA SURAT	KETERANGAN RINGKAS PINDAAN
1.	02	8.1.2001	4/10 Para 5 6/10 Bilangan 3 6/10 Bilangan 4 7/10 Bilangan 8 8/10 Bilangan 9	KUKP dimansuhkan PT ditukar kepada PK/PP KUK(IP)/KUP(PS) ditukar kepada PKP.PK/PPPK KUKP/PBN ditukar kepada PKP.PK Tanggungjawab ditambah seperti PT/PK
2.	03	1.3.2003	8/10 Bilangan 10	KUP/PT ditukar kepada PP
3.	04	29.9.2004	Keseluruhan Prosedur JBPM/PK/4	Pindaan dibuat adalah berdasarkan kepada perubahan MS ISO 9002:1994 kepada MS ISO 9001:2000 (versi baru)
4.	05	31.10.2008	4/10 Para 4 (Definisi) 8/10 Para 6.13 9/10 Para 6.15	Pindaan dibuat berdasarkan hasil mesyuarat kajian semula pengurusan bil. 1/04 bertarikh 02.06.2004.
5.	06	18.05.2010	Keseluruhan Prosedur JBPM/PK/4	Pindaan dibuat berdasarkan kepada penambahbaikan dan penstrukturan JBPM.
6.	07	27.02.2015	Keseluruhan Prosedur JBPM/PK/4	Pindaan dibuat berdasarkan kepada penambahbaikan Prosedur.



1. OBJEKTIF

Prosedur ini bertujuan untuk memastikan penyeragaman proses perakuan pengesahan pelan M & E (mekanikal dan elektrik) dijalankan dengan cekap dan berkesan mengikut keperluan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UuKBS) 1984 dan lain-lain peraturan yang diterimapakai.

2. SKOP

Prosedur ini digunakan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam memproses pelan M & E.

3. RUJUKAN

- 3.1 Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, 1984 (UBBL).
- 3.2 *Sarawak Building Ordinance*, 1994 (untuk Sarawak sahaja).
- 3.3 Lain-lain piawaian yang diterimapakai oleh Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia seperti *Malaysia Standard*, *British Standard*, *National Fire Protection Association*, *Australian Standard* dan lain-lain berkaitan dengan sistem pencegahan dan keselamatan kebakaran.
- 3.4 **Perintah Tetap Pencegah Bilangan 1 Tahun 2003** : Pemerosesan Perakuan Pelan Teknikal dan Pemeriksaan Bangunan Bagi Tujuan Pengeluaran Surat Sokongan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CFO).
- 3.5 **Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bilangan 1 Tahun 2007**: Pelaksanaan Kaedah Pusat Setempat (*One Stop Centre*) dan Pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion & Compliance*) Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

4. DEFINISI

- 4.1 **Fail Projek**: Fail yang diwujudkan mengikut urutan nombor berdasarkan Kumpulan Maksud serta mempunyai tajuk sesuatu projek pembinaan bangunan atau struktur.
- 4.2 **Hari**: Merujuk Kepada Tempoh Hari Kalendar.



- 4.3 **Jawatankuasa Kajian Pelan:** Terdapat tiga peringkat jawatankuasa iaitu peringkat Ibu Pejabat Bomba JBPM, Ibu Pejabat Negeri dan peringkat Zon. Bagi peringkat Ibu Pejabat JBPM hanya dipengerusikan oleh Penolong Ketua Pengarah Bahagian Keselamatan Kebakaran atau Pegawai Bahagian Keselamatan Kebakaran yang dilantik menggantikannya. Ibu Pejabat Bomba Negeri ianya dipengerusikan oleh Penolong Pengarah Negeri, Bahagian Keselamatan Kebakaran (PPNBKK) atau Ketua Cawangan Perakuan Bangunan, Bahagian Keselamatan Kebakaran Negeri semasa ketiadaan PPBKK / Pegawai yang dilantik bagi menggantikannya. Manakala Zon pula dipengerusikan oleh Ketua Zon atau Ketua Cawangan Keselamatan Kebakaran semasa ketiadaannya. Ahli Jawatankuasa terdiri dari pegawai Bahagian Keselamatan Kebakaran. Bidang kuasa ini diperjelaskan dalam Perintah Tetap Pencegah Bil 1/2003 dan Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bil 1/2007.
- 4.4 **Ketua Zon:** adalah Pegawai yang dilantik untuk mentadbir beberapa Balai Bomba di bawah jagaannya mengikut penstrukturan baru JBPM.
- 4.5 **Orang berkelayakan:** ertinya seseorang arkitek profesional, jurutera profesional atau pelukis pelan bangunan yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pendaftarannya.
- 4.6 **Orang yang mengemukakan (SP – *Submitting Person*):** ertinya orang yang berkelayakan yang mengemukakan pelan kepada pihak berkuasa tempatan atau pihak berkuasa berkanun yang berkaitan mengikut Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UuKBS) 1984 dan mengambil alih kewajipan serta tanggungjawab atau bertindak untuk orang yang berkelayakan yang pertama disebut mengikut Undang-undang Kecil (UuK) 7, UuKBS 1984.
- 4.7 **Orang utama yang mengemukakan (PSP – *Principal Submitting Person*):** ertinya orang yang berkelayakan yang mengemukakan pelan bangunan kepada pihak berkuasa tempatan untuk kelulusan mengikut Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UuKBS) 1984 dan termasuklah mana-mana orang yang berkelayakan lain yang mengambil alih kewajipan serta tanggungjawab atau bertindak untuk orang yang berkelayakan pertama disebut itu mengikut Uuk 7, UuKBS 1984.
- 4.8 **Pelan M & E:** Pelan mekanikal dan elektrik yang mengandungi pelan lantai, lukisan skematik, pengiraan hidraulik, beban elektrik dan pengiraan-pengiraan lain yang berkaitan dengan sistem kelengkapan menentang kebakaran atau pemasangan keselamatan kebakaran.



- 4.9 **Perintah Tetap Pencegah Bil. 1 Tahun 2003:** Merujuk kepada Perintah Tetap Bilangan 1 Tahun 2003 : Pemprosesan Perakuan Pelan Teknikal dan Pemeriksaan Bangunan Bagi Tujuan Pengeluaran Sokongan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan.
- 4.10 **Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bilangan 1 Tahun 2007:** Merujuk kepada Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bilangan 1 Tahun 2007 : Pelaksanaan Kaedah Pusat Setempat (*One Stop Centre*) dan Pengeluaran Perakuan Siap dan Pematuhan (*Certificate of Completion & Compliance*) Jabatan Bomba dan Penyelamat, Malaysia.

5. SINGKATAN

- 5.1 JBPM - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- 5.2 IP - Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- 5.3 JBPMN - Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri
- 5.4 KSPB - Ketua Seksyen Perakuan Bangunan (IP, JBPM)
- 5.5 KCPKK - Ketua Cawangan Perakuan Keselamatan Kebakaran (IP, JBPM)
- 5.6 PPNBKK - Penolong Pengarah Negeri Bahagian Keselamatan Kebakaran (JBPMN)
- 5.7 KCPB - Ketua Cawangan Perakuan Bangunan (JBPMN)
- 5.8 KZ - Ketua Zon
- 5.9 PKK - Pegawai Keselamatan Kebakaran / Pegawai Proses
- 5.10 OSC - *One Stop Centre* (Pusat Setempat)
- 5.11 JKP - Jawatankuasa Kajian Pelan
- 5.12 PK - Pegawai Kaunter
- 5.13 PB - Pegawai Bomba
- 5.14 PT - Pembantu Tadbir
- 5.15 M & E - Mekanikal dan Elektrikal



6. TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
6.1	Terima Permohonan	
6.1.1	Terima permohonan untuk perakuan pelan mekanikal dan elektrik dari pemohon.	PK/PB/PT
6.1.2	Pemohon terdiri daripada: a. Urusetia OSC, atau b. PSP atau SP, atau c. Orang berkelayakan	PK/PB/PT
6.2	Semakan Permohonan	
6.2.1	Semak permohonan dengan menggunakan Senarai Semak Penerimaan Pelan Teknikal (Rujuk Perintah Tetap Pencegah Bilangan 1 Tahun 2003 atau Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bilangan 1 Tahun 2007) untuk menyemak sama ada permohonan lengkap atau sebaliknya.	PK/PB/PT
6.2.2	Keputusan Semakan Petugas kaunter hendaklah memutuskan sama ada pemohon mematuhi prosedur 6.2.1. atau sebaliknya. Berdasarkan keputusan tersebut prosedur bagi permohonan yang mematuhi adalah sebagaimana tindakan no. 6.2.2 (a) dan permohonan yang tidak lengkap adalah sebagaimana tindakan no. 6.2.2 (b).	PK
6.2.2.1	Permohonan yang lengkap Cop Akuan Terima akan diturunkan di atas salinan surat pemohon yang mengandungi butiran tarikh penerimaan.	PK/PB/PT



BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	<p>(Rujuk Perintah Tetap Pencegah Bilangan 1 Tahun 2003 atau Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bilangan 1 Tahun 2007).</p> <p>6.2.2.2 Permohonan yang tidak lengkap</p> <p>Pelan projek ini tidak akan diterima dan dikembalikan kepada pemohon.</p>	
6.3	Pendaftaran Pelan	
6.3.1	Pelan M & E didaftarkan ke dalam buku Rekod Pendaftaran Fail Projek dan dimasukkan ke dalam fail projek yang sama dengan pelan arkitekural yang telah diluluskan sebelumnya (Rujuk Perintah Tetap Pencegah Bilangan 1 Tahun 2003 atau Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bilangan 1 Tahun 2007).	PT/PB
6.3.2	Kad Akuan Terima disedia dan diserahkan kepada pemohon (Rujuk Perintah Tetap Pencegah Bilangan 1 Tahun 2003 atau Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bilangan 1 Tahun 2007).	PK/PB/PT
6.4	Agihan kepada Pegawai Proses	
6.4.1	Tentukan Pegawai Proses dan agihan dibuat. Catatkan dalam Buku Rekod Pendaftaran Fail Projek. Catatan juga dibuat pada kulit hadapan fail dan kad pergerakan fail.	PKPKK /KSPB / KCPKK / PPNBKK / KZ / KCPB / PKK / PB / PT



BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
6.5	Penyemakan Pelan	
6.5.1	Semakan pelan dibuat berpandukan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan lain-lain piawaian yang digunakan.	PKK
6.5.2	Setiap fail projek yang diproses akan direkodkan dalam Buku Rekod Individu Pegawai Semak. Rujuk Perintah Tetap Pencegah Bil. 1 Tahun 2003 atau Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bil. 1 Tahun 2007.	PKK
6.6	Penolakan Pelan	
6.6.1	Pelan yang tidak mematuhi Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan lain-lain piawaian berkaitan dengan sistem keselamatan kebakaran hendaklah ditolak.	PKK
6.6.2	Surat penolakan pelan akan dikeluarkan berserta sebab-sebab penolakan dan ditandatangani. (Rujuk Perintah Tetap Pencegah Bilangan 1 Tahun 2003 atau Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bilangan 1 Tahun 2007).	PKPKK / KSPB / KCPKK / PPNBKK / KZ / KCPB / PKK / PB / PT
6.7	Mesyuarat JKP	
6.7.1	Pelan dibentangkan oleh PKK kepada ahli Mesyuarat JKP untuk diperbincangkan dan diperhalusi.	PKPKK / KSPB / KCPKK / PPNBKK / KZ / KCPB / PKK
6.7.2	Jika tidak mematuhi Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dan lain-lain piawaian yang digunakan, pelan dikembalikan kepada PKK untuk tindakan selanjutnya.	KSPB / PPNBKK / KCPB / PKK



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

MEMPROSES PELAN M&E
JBPM/PK/04

MUKA SURAT : 9 | 12
TARIKH : 02.04.2015

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
	<p>6.7.3 Jika mematuhi, PKK hendaklah:</p> <p>6.7.3.1 Sediakan surat pengesahan kelulusan. Rujuk Perintah Tetap Pencegah Bil.1 Tahun 2003 atau Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bil. 1 Tahun 2007.</p> <p>6.7.3.2 Cop perakuan pelan pada setiap helaian pelan. Rujuk Perintah Tetap Pencegah Bil.1 Tahun 2003 atau Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bil. 1 Tahun 2007</p> <p>6.7.3.3 Menandatangani ruang semakan dan mengisi butiran berkaitan.</p> <p>6.7.4 Semua keputusan mesyuarat JKP hendaklah diminitkan dan dilampirkan ke dalam fail projek. Rujuk Perintah Tetap Pencegah Bil. 1 Tahun 2003 atau Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bil. 1 Tahun 2007.</p>	PKK/PT
6.8	Perakuan Pengesahan Pelan <p>6.8.1 Pengesahan dibuat selepas pelan diperakui oleh JKP seperti berikut :-</p> <p>6.8.1.1 Menandatangani di ruangan cop perakuan pada setiap helaian pelan.</p> <p>6.8.1.2 Menandatangani surat perakuan pelan.</p>	PKPKK / KSPB / KCPKK / PPNBKK / KZ / KCPB



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

MEMPROSES PELAN M&E
JBPM/PK/04

MUKA SURAT : 10 | 12
TARIKH : 02.04.2015

BIL.	TINDAKAN	TANGGUNGJAWAB
6.9	Rekod dan Pemulangan Pelan	
	6.9.1 Serahan surat perakuan atau tidak diperakuan kepada pemohon dilakukan melalui:- 6.9.1.1 Secara pos; 6.9.1.2 Serahan tangan yang dicop akuan terima dan ditandatangani dalam buku <i>despatch</i> .	PT
6.10	Tempoh Masa Proses Keseluruhan memproses pelan M & E hendaklah dilaksanakan tidak melebihi 14 hari dari tarikh pelan diterima.	Makluman
6.11	Perangkaan	KSPB / KCPKK / PPNBKK / KCPB / KZ
	6.11.1 Perangkaan berkaitan prosesan pelan dikumpul dan dikemukakan setiap bulan: 6.11.1.1 Laporan Tunggakan Permohonan Perakuan Pelan. Rujuk Perintah Tetap Pencegah Bil. 1 Tahun 2003 atau Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bil. 1 Tahun 2007. 6.11.1.2 Perangkaan Penerimaan Perakuan Pelan dan Pemeriksaan Bangunan. Rujuk Perintah Tetap Pencegah Bil. 1 Tahun 2003 atau Perintah Tetap Pencegah dan Keselamatan Kebakaran Bil. 1 Tahun 2007. 6.11.1.3 Kemukakan perangkaan Memproses Pelan M & E kepada Bahagian Keselamatan Kebakaran, Ibu Pejabat JBPM sebelum atau pada 30 haribulan setiap bulan.	PPNBKK / KZ



7. REKOD KUALITI

Bil.	Jenis Rekod	Lokasi	Tempoh Penyimpanan
7.1	Surat Permohonan	Bhg. Keselamatan Kebakaran	Selamanya
7.2	Pelan Mekanikal dan Elektrikal yang diperakukan	Bhg. Keselamatan Kebakaran	Selamanya
7.3	Senarai Semakan Pelan Teknikal	Bhg. Keselamatan Kebakaran	Selamanya
7.4	Buku Rekod Pendaftaran Fail Projek	Bhg. Keselamatan Kebakaran	Selamanya
7.5	Fail Projek	Bhg. Keselamatan Kebakaran	Selamanya
7.6	Kad Akuan Terima	Bhg. Keselamatan Kebakaran	Selamanya
7.7	Buku Rekod Individu Pemerosesan Pelan	Bhg. Keselamatan Kebakaran	Selamanya
7.8	Surat Penolakan	Bhg. Keselamatan Kebakaran	Selamanya
7.9	Cop Akuan Pengesahan Pelan	Bhg. Keselamatan Kebakaran	Selamanya
7.10	Surat Pengesahan Kelulusan Pelan	Bhg. Keselamatan Kebakaran	Selamanya
7.11	Format Pelan	Bhg. Keselamatan Kebakaran	Selamanya



8. LAMPIRAN

8.1 Carta Aliran Memproses Pelan M & E

(Lampiran 1)

**CARTA ALIRAN KESELAMATAN KEBAKARAN
(MEMPROSES PELAN M&E)
(14 HARI)**

